

27 OCT 1997

CHOGM-Mahathir

KADAR FAEDAH BUKAN SENJATA YANG SESUAI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A. Hulaimi

EDINBURGH, 27 Okt (Bernama) -- Malaysia tidak membangkitkan isu kadar faedah bagi mempertahankan ringgit daripada spekulator mata wang kerana ini hanya menarik pelaburan asing bersifat jangka pendek dan mereka akan menarik keluar pelaburan apabila keuntungan diperolehi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Perdana Menteri memberitahu wartawan Malaysia sebelum penutupan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) bahawa beliau selalu memberitahu bank-bank besar dan institusi kewangan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk mencampuri urusan kadar faedah atau nilai mata wang kerana ini akan memberi kesan tidak diingini.

Beliau berkata membangkitkan isu kadar faedah akan menjadikan pinjaman lebih mahal dan membantutkan pertumbuhan dan menyebabkan pengaliran masuk wang asing ke negara ini hanya bersifat jangka pendek.

"Inilah yang mereka mahu. Memang, wang asing masuk ke negara ini tetapi ini untuk jangka pendek, Mereka membawa masuk pelaburan, mereka mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang tinggi dan apabila memperoleh keuntungan, mereka menarik keluar pelaburan " kata beliau.

Perdana Menteri berkata: "Kita tidak mahu pelaburan asing seperti itu kerana pelaburan itu bersifat jangka pendek, mereka tidak serius, mereka tidak produktif, dan mereka cuma mahu mengambil kesempatan daripada kadar faedah kita yang tinggi. "

Dr Mahathir juga berkata Malaysia telah "membuat kesilapan" berhubung dengan pelaburan asing.

Beliau berkata: "Sebagai contoh, banyak syarikat Malaysia yang mahukan supaya nilai saham mereka meningkat telah membuat "roadshow" di Amerika Syarikat dan tempat lain untuk menarik tabung pencen.

Tabung pencen itu kemudian masuk ke Malaysia dan membeli saham, mengakibatkan nilai saham melonjak naik sehinggakan nilai saham-saham berkenaan tidak mencerminkan prestasi syarikat.

"Orang seperti ini tidak berminat dalam dividen, dan mereka langsung tidak minta diwakili dalam lembaga syarikat walaupun mereka mungkin mempunyai pegangan yang besar", kata beliau.

"Yang mereka minat ialah melihat nilai saham melonjak naik dan apabila nilainya cukup tinggi, mereka akan menjual saham-saham itu dan beralih kepada keuntungan modal dan kemudian pergi ke negara lain," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menggalakkan perbadanan-perbadanan baru membuat "roadshow".

Beliau menambah: "Saya tidak berkata bahawa semua tabung asing semata-mata mengutamakan keuntungan modal tetapi kita perlu membuat pilihan. Sesetengah tabung asing ini tidak serius tetapi kita tidak seharusnya membuat jualan secara palsu semata-mata bagi meningkatkan nilainya.

"Sudah tentu apabila nilai saham meningkat, kita mempunyai lebih banyak wang untuk pertukaran saham, untuk memiliki syarikat tetapi apabila nilai saham itu menjunam, anda mendapati bahawa anda tidak berkeupayaan untuk membayar hutang."

Walaupun kebimbangannya mengenai kesan spekulasi ke atas ekonomi negara dimasukkan dalam deklarasi ekonomi CHOGM sebelumnya, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu meneruskan usaha menjelaskan pendiriannya melalui perbincangan dua hala di luar persidangan.

Menurut Perdana Menteri, beliau mendapati sukar untuk memastikan mereka

faham tentang masalah Malaysia kerana negara-negara kecil tidak mempunyai masalah yang sama sedangkan negara maju langsung tidak mahu memahaminya.

"Kita berada dalam kedudukan yang sama berhubung dengan Mexico apabila menyangka bahawa ada sesuatu tidak kena dilakukan oleh Mexico semasa menghadapi krisis kewangan", kata beliau.

Beliau menambah walaupun negara-negara maju menyedari bahawa ini ialah akibat spekulasi, mereka mahu menyalahkannya kepada market forces "seolah-olah "market forces" itu satu agama".

Menurut beliau, sesetengah pengkritik menyalahkan salah pengurusan ekonomi oleh Malaysia sebagai punca krisis itu tetapi jika demikian, mengapa negara-negara yang ekonominya mengalami kesan teruk mendapati nilai mata wang mereka naik berbanding ringgit Malaysia.

Merujuk kepada sistem amaran awal yang disentuh dalam Deklarasi Ekonomi, Dr Mahathir berkata beliau berpendapat perkara ini dimasukkan kerana tidak pemahaman yang jelas mengenai apa yang dikatakan sebagai manipulasi mata wang, dan soal sistem amaran awal dibangkitkan dalam konteks pengurusan ekonomi seperti defisit tinggi dalam imbalan pembayaran.

"Tetapi apa yang mereka fikirkan ialah turun naik nilai mata wang. Tetapi mereka tidak faham bahawa ini bukan turun naik secara biasa, ini turun naik secara manipulasi."

Dr Mahathir juga menyentuh tentang rancangannya untuk melaksanakan reformasi pertanian di Malaysia dengan memperkenalkan konsep pertanian bercampur meliputi kawasan yang luas.

Beliau mempunyai masa untuk meninjau perkara ini apabila berehat di sini selama dua bulan sebelumnya awal tahun ini di Cotswolds. Beliau juga menerima nasihat daripada sebuah kolej pertanian.

Cadangan mewujudkan pertanian bercampur tidak akan menggunakan tenaga pekerja secara intensif dan akan diperkenalkan di Kedah jika tanah yang sesuai diperolehi.

Model pertanian bercampur akan memasukkan kawasan bagi tanaman padi, penempatan baru dengan kedai dan kemudahan lain dan juga kawasan bagi tanaman ulam secara besar-besaran.

"Ia berbeza dengan idea tradisional mengenai perkampungan Melayu," kata Dr Mahathir.

Selepas CHOGM berakhir hari ini, Dr Mahathir berlepas ke Slovenia untuk melakukan lawatan rasmi tiga hari. -- BERNAMA

WAH FAZ